

Beri kelonggaran peniaga vape - DPVM

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 JUN

DEWAN Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi kelonggaran kepada penjual rokok elektronik (e-rokok) mendapatkan lesen perniagaan di premis yang terletak di bawah agensi terbabit.

Setiausaha Agungnya, Ridhwan Rosli berkata, usaha tersebut penting bagi mengekang sebarang penipuan berkaitan industri e-rokok termasuk penyeludupan dan penjualan haram membabitkan perisa tiruan yang berbahaya.

Selain itu, katanya, pihak berkuasa juga dapat membuat pemantauan dengan lebih mudah terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan ditetapkan.

"Industri ini akan terus berkembang pada masa depan. Kita tidak mahu ada pihak yang menyalahgunakan e-rokok dengan gejala tidak sihat termasuk dadah.

"Jadi, dengan adanya perniagaan berlesen, pihak berkuasa mudah membuat pemantauan. Malah kita juga sedia bekerjasama



CHE SHUKRI CHE MAT (tiga dari kanan) bersalaman dengan **Hizwan Ahmad** (tiga dari kiri) sambil disaksikan **Ridhwan Rosli** (dua dari kanan) dan **Syed Azaudin Syed Ahmad** (dua dari kiri) dalam Majlis Aidilfitri DPVM Bersama Media di Kuala Lumpur, semalam.

ma dengan mana-mana agensi penguatkuasaan untuk mengelakkan perkara tidak sihat terus berlaku," katanya ketika menghadiri Majlis Aidilfitri DPVM Bersama Media di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Che Shukri Che Mat; Setiausaha Politik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Hizwan Ahmad dan Presiden DPVM, Syed Azaudin Syed Ahmad.

din Syed Ahmad.

Dalam pada itu, Ridhwan berkata, daripada 1,832 syarikat berdaftar di bawah DPVM, kira-kira 20 peratus atau 366 ahlinya masih tidak diluluskan lesen perniagaan oleh PBT di seluruh negara.

"Masalah ini ada yang sudah berlarutan sehingga tiga tahun dan kami berharap PBT berkenaan dapat membantu meluluskan permohonan mereka sekaligus memudahkan pemantauan pihak berkuasa," katanya.